

15/11/1997

Isu ekonomi tidak jejas kepercayaan

PILIHAN RAYA kecil Sungai Bakap di Nibong Tebal dan Changkat Jering, Taiping diadakan serentak. Barisan Nasional berjaya mengekalkan kerusinya di kedua-dua kawasan itu. Di Sungai Bakap, calon BN dari parti Gerakan, Lai Chew Hock mengalahkan pencabarnya dari DAP, Goh Kheng Huat dengan majoriti 1,440 undi. Di kawasan Changkat Jering, calon BN Mat Isa Ismail mengalahkan calon Pas, Idris Ahmad, dengan majoriti 3,544 undi.

Jumlah pengundi berdaftar yang keluar mengundi di Sungai Bakap kali ini berkurangan daripada jumlah pengundi pada pilihan raya tahun 1995. Majoriti calon BN di Sungai Bakap pun berkurangan daripada majoriti BN pada pilihan raya tahun 1995. Majoriti calon BN di Changkat Jering pun berkurangan juga.

Jelas bahawa prestasi kedua-dua calon BN di Sungai Bakap dan di Changkat Jering agak menghampakan. Tetapi hal seperti ini sebenarnya tidak harus mengejutkan kerana pilihan raya kecil tidaklah dianggap penting oleh pengundi kecuali mereka yang benar-benar merupakan pengundi `tradisional' iaitu mereka yang tetap keluar mengundi tanpa mengikut musim.

Sejauh manakah krisis nilai mata wang ringgit telah mempengaruhi sikap pengundi tidaklah diketahui. Manakala kedua-dua pilihan raya kecil itu diumumkan, dugaan sesetengah pemerhati ialah keputusan kedua-dua pilihan raya kecil itu akan dipengaruhi kemelut ekonomi yang melanda negara sekarang.

Pihak pembangkang dikatakan menggunakan isu krisis ekonomi sebagai senjata kempen mereka. Pada hemat saya kesan kejatuhan nilai ringgit sebenarnya masih belum dirasakan sekarang. Harga barang keperluan masih terkawal. Belanja hidup masih sekiranya-kira di tahap lama. Tambah pula isu kejatuhan nilai ringgit agak kompleks untuk difahami oleh pengundi biasa. Tetapi ini tidak bererti isu kemelut ekonomi tidak disia-siakan oleh pembangkang. Pembangkang mempersalahkan kerajaan kerana kemelut ekonomi sekarang. Walaupun mereka menyatakan sokongan kepada kepemimpinan Dr Mahathir menghadapi spekulasi petualang seperti George Soros, namun sikap ini tidak membatasi mereka untuk mempersalahkan keborosan kerajaan, dasar pembaziran belanja wang rakyat untuk mendirikan projek mewah dan sebagainya atas tengkok kerajaan. Bagi Pas isu perhubungan antara sesetengah ulama tertentu dan kerajaan berupa bahan kempen untuk memancing pengundi Melayu.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Koh Tsu Koon menyifatkan prestasi calon BN di Sungai Bakap yang kurang memuaskan sebagai satu isyarat yang wajar diambil kira.

"Kita akan membuat analisis mengenai pengurangan majoriti secara mendadak dan penurunan peratus pengundi berbanding tahun 1995 serta bagaimana calon Bebas, Abu Harith Ahmad boleh mendapat 1,758 undi," katanya.

Calon BN di Sungai Bakap ialah calon Gerakan kerana kawasan itu dahulu diwakili pemimpin Gerakan. Dalam menghadapi pilihan raya kecil di Sungai Bakap, Gerakan dihantui kegagalannya mempertahankan kerusinya di Teluk Intan dalam pilihan raya kecil beberapa waktu yang lalu. Calon Gerakan dikalahkan oleh calon DAP dalam pilihan raya kecil di Teluk Intan, satu keputusan yang mengejutkan tidak saja Gerakan tetapi juga parti-parti komponen BN.

Dalam pilihan raya kecil di Teluk Intan dahulu, pengundi Melayu dan India tidak ramai keluar mengundi sedangkan walaupun mereka mengundi,

mereka menukar selera mereka untuk mengundi parti pembangkang. Satu daripada faktor kekalahan calon BN di Teluk Intan ialah rasa tidak puas hati mereka terhadap pihak berkuasa tempatan yang kurang peka terhadap masalah mereka. Isu-isu tempatan yang menjadi penentu keputusan pilihan raya kecil di Teluk Intan. Pada hal wakil atau Adun Gerakan yang meninggal dunia dan menjadi sebab pilihan raya kecil itu diadakan adalah seorang Adun yang terkenal sebagai wakil rakyat yang sangat mengambil berat terhadap kebajikan pengundinya. Sayang sekali sumbangan khidmatnya sebelum mati terhakis oleh birokrasi setempat yang tidak cekap dan tidak peka kepada rungutan rakyat.

Di Sungai Bakap sekalipun majoriti BN berkurangan, kerusi dapat dipertahankan. Biasanya banyak faktor selain kewibawaan Adun yang menjadi penentu keputusan pilihan raya terutama pilihan raya kecil. Dalam pilihan raya kecil isu-isu tempatan cenderung adalah faktor penentu. Kita harus ingat bahawa kemampuan seorang Adun membawa perubahan material dalam kehidupan pengundinya ada batasnya semata-mata kerana Adun bukan memegang kuasa memperuntukkan biaya untuk membangun jalan raya, klinik dan sebagainya. Pentadbiran kawasan adalah dalam bidang kuasa pentadbir dari pelbagai agensi kerajaan.

Di Sungai Bakap, walaupun calon-calon yang bertanding terdiri daripada bukan Melayu, namun jumlah pengundi Cina lebih kecil daripada jumlah pengundi Melayu. Jumlah pengundi Melayu ialah 40 peratus, pengundi Cina 36 peratus sedangkan pengundi India kira-kira 16 peratus. Kita boleh menduga bahawa kemenangan calon Gerakan di Sungai Bakap ditentukan oleh sokongan pengundi Melayu dan India. Calon Gerakan agak beruntung kerana Pas tidak bertanding untuk 'mengacau daun' di kawasan itu. Mengapa Pas tidak bertanding meletakkan calonnya di Sungai Bakap tidak dapat dipastikan. Seorang wartawan ketika mengulas kempen pilihan raya kecil di Sungai Bakap berkata bahawa soal mendapatkan undi penduduk kampung di sekitar pekan itu tidaklah serumit masalah memujuk mereka keluar mengundi pada hari mengundi. Tetapi nampaknya usaha memujuk pengundi Melayu keluar mengundi di Sungai Bakap telah berjaya. Tetapi bagaimanakah calon Bebas, Abu Harith Ahmad boleh meraih 1,758 undi, Tan Sri Koh Tsu Koon bertanya?

Untuk seorang calon Bebas mendapat undi sedemikian besar adalah luar biasa. Besar kemungkinan calon itu mendapat undi Melayu. Barangkali Umno Sungai Bakap dapat memberikan penjelasan.

Kemenangan Gerakan dalam pilihan raya kecil Sungai Bakap kelmarin boleh juga diterima sebagai satu petanda bahawa parti itu masih dapat mempertahankan kewibawaan di kalangan pengundi.

(END)